

## Selalu Buat Lathan Rahsia Kejayaan



NOR ATIQAH bersama Anugerah Gemilang Akademik pada majlis konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia di Skudai, Johor Bahru semalam.

LOSM 01718

## Selalu buat latihan rahsia kejayaan

JOHOR BAHRU - Tiada jalan mudah untuk kejayaan, buat latihan selalu.

Itu pesan graduan Ijazah Sarjana Muda Matematik, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Nor Atiqah Mohd. Ariff, 22, yang mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 4.0.

Keputusan cemerlang itu membolehkannya mendapat Anugerah Gemilang Akademik pada Konvokesyen ke-41 Universiti Teknologi Malaysia (UTM) semalam.

Menurut anak kedua daripada tiga beradik, apa yang selalu diamalkannya adalah memahami sesuatu perkara dengan teliti berkaitan subjek terlebih dahulu sebelum memulakan latihan.

Katanya, dalam Matematik, memang penting dibuat latihan selalu untuk mengasah minda supaya cerdas dan sentiasa berfikir.

"Apa pun, tiada jalan mudah untuk mencapai kejayaan. Hendaklah dibuat latihan dan ulang kaji selalu.

"Itu yang saya amalkan, insya-Allah akan berjaya," katanya yang kini menetap di Ipoh, Perak.

Menurutnya, beliau mula meminati Matematik sejak kecil dan pernah memenangi satu pertandingan berkaitan subjek itu di Kuching, Sarawak sewaktu belajar di tahun lima.

Lagipun, katanya, ibunya yang merupakan seorang guru Matematik menyebabkannya lebih berminat untuk mendalami ilmu tersebut.

Menurut Nor Atiqah lagi, beliau yang bercita-cita untuk menjadi pensyarah bercadang untuk meneruskan pengajian selepas majlis konvokesyen.

pdfMachine

A pdf writer that produces quality PDF files with ease!

Produce quality PDF files in seconds and preserve the integrity of your original documents. Compatible across nearly all Windows platforms, if you can print from a windows application you can use pdfMachine.

Get yours now!

**pdfMachine**

**A pdf writer that produces quality PDF files with ease!**

Produce quality PDF files in seconds and preserve the integrity of your original documents. Compatible across nearly all Windows platforms, if you can print from a windows application you can use pdfMachine.

Get yours now!